

21 DEC, 2020

Tiada kompromi sewa lesen perniagaan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Tiada kompromi sewa lesen perniagaan

Peniaga akan disenarai hitam, dokumen dirampas serta-merta

Oleh Sophia Ahmad
dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan tegas menyenaraikan hitam pemegang lesen perniagaan yang menyewakan lesen itu kepada warga asing, akan diambil bersama rampasan serta-merta dokumen terbabit.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, menegaskan perbuatan memberi lesen kepada warga asing, bukan sekadar menyalah undang-undang negara, malah turut bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Merujuk penddedahan BH semalam mengenai warga asing sanggup membayar RM3,000 sebulan untuk mendapatkan ruang niaga berhampiran tapak sementara Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur, dekat sini melalui bantuan 'orang dalam' persatuan peniaga, beliau berkata, tidak ada kompromi terhadap perbuatan itu.

"Kita sudah menetapkan garis panduan yang jelas dalam hal ini, bahawa tidak akan ada kompromi jika pemegang lesen 'sub let' kepada warga asing. Jika kita kesan perkara itu, mereka akan disenarai hitam dan lesen berkenaan dirampas serta-merta," katanya.

Bercakap kepada media selepas menyampaikan barangang makan-

nan asas dan pelitup muka anjuran Zon dan Sub Zon Parlimen Cheras di sini semalam, Annuar berkata, lesen perniagaan hanya diberikan kepada rakyat tempatan.

"Ketika memohon pun, mereka (rakyat tempatan) perlu menunjukkan bukti yang sah sebagai warganegara. Berapapun ramai rakyat kita yang susah mendapat lesen walaupun hanya untuk perniagaan kecil-kecilan?"

"Kita perlu konsisten dalam mendahuluikan mereka dan seterusnya membela nasib golongan ini," katanya lagi.

Ada wakil persatuan datang bertemu saya baru-baru ini, merayu supaya kelonggaran dalam isu lesen diberikan. Rayuan atas perkara sebegini tidak akan diberi perhatian dan tindakan tegas perlu diambil jika terbukti ia (lesen) disalah guna pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

**Annuar Musa,
Menteri Wilayah Persekutuan**



Annuar (dua dari kanan) beramah mesra dengan penerima bantuan ketika meninjau keadaan penduduk di Blok C Flat Taman Segar Cheras, semalam. (Foto BERNAMA)

Sehubungan itu, beliau berkata, tindakan tegas akan diambil ke atas pihak yang didapati terabit menguruskan lesen untuk warga asing bermula, termasuk dengan memanjangkan perbuatan mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Katanya, dasar kerajaan sudah menetapkan bahawa warga asing tidak dibenarkan memiliki lesen perniagaan, sama ada di tapak sementara Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur atau pasar tani berhampiran.

Annuar berkata, peraturan ditetapkan selama ini tidak boleh dipandang sebagai mata dan ia harus dikuatkuasakan bagi menjamin kebijakan peniaga tempatan.

"Ada wakil persatuan datang bertemu saya baru-baru ini, merayu supaya kelonggaran dalam isu lesen diberikan. Rayuan atas perkara sebegini tidak akan diberi perhatian dan tindakan tegas perlu diambil jika terbukti ia (lesen) disalah guna pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

BH difahamkan, kebanyakan peniaga warga asing itu diperdaya mengambil kesempatan daripada 'Wilayah Bebas Berniaga' di perkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tempoh enam bulan bermula 15 November lalu sehingga April 2021.

Walaupun warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan diisytihar lokasi bebas berniaga, mereka yang mahu berbadit demikian masih perlu mendapatkan



Keratan akbar BH, semalam.

kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui prosedur yang diperlakukan seperti diumumkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa pada 10 November lalu.

Mengikut maklumat diperoleh 'kemasukan' pendatang asing untuk berniaga di sekitar tapak sementara Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur itu dan pasar tani berdekatannya, diuruskan 'orang dalam' daripada persatuan peniaga tertentu.

Sumber memberitahu, persatuan peniaga yang disyaki terabit dalam urusan berkenaan akan menghantar permohonan kepada DBKL dengan menggunakan na-

ma pemohon tempatan, tetapi lesen yang diperoleh selepas itu akan disewakan kepada pendaftaran asing.

Bayaran antara RM1,000 hingga RM3,000, bergantung kepada barang dijual yang dikenakan dalam kegiatan itu, jauh lebih tinggi berbanding hanya lebih RM900 setahun dikenakan DBKL untuk peniaga tempatan.

Tapak sementara bertentangan Pasar Borong Kuala Lumpur itu dibuka bagi menempatkan sebahagian peniaga dari pasar borong harian berkenaan yang kini sedang dibina baharu bermula 2018 dan dijadual siap sepenuhnya tahun depan.



21 DEC, 2020

Tiada kompromi sewa lesen perniagaan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Peniaga akan disenarai hitam, dokumen dirampas serta-merta

Kuala Lumpur: Tindakan tegas menyenarai hitam pemegang lesen perniagaan yang menyewakan lesen itu kepada warga asing, akan diambil bersama rampasan serta-merta dokumen terbabit. Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, menegaskan perbuatan memberi lesen kepada warga asing, bukan sekadar menyalahi undang-undang negara, malah turut bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.